

Kamalanathan harap kemelut MIC selesai segera
Astro Awani
31 Januari 2015

CHEMOR: Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, P. Kamalanathan berharap campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan dapat menamatkan segera kemelut MIC.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pendidikan 2 berkata, usaha Najib dan Muhyiddin untuk mencari formula terbaik bagi menyelesaikan kemelut MIC amat dialu-alukan.

Menurut Kamalanathan, beliau tidak mahu membuat komen lanjut berhubung kemelut MIC kerana yakin campurtangan Najib dan Muhyiddin dapat segera menyelesaikan kemelut parti itu.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kamalanathan-harap-kemelut-mic-dapat-selesai-segera-53138>